

TARIKH	KHAMIS, 6 JANUARI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	JEMAAH MENTERI KABINET SARAWAK ANGKAT SUMPAH
M/S	18
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

Jemaah Menteri Kabinet Sarawak angkat sumpah

Kuching: Jemaah Menteri Kabinet Sarawak mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Taib Mahmud, malam kelmarin.

Majlis Mengangkat Sumpah dan Pengkurniaan Watakah Pelantikan jawatan itu dijalankan secara hibrid menerusi televideo dengan Abdul Taib menyempurnakan dari kediamannya di Demak Jaya manakala ahli kabinet berada di Dewan Lapau, Dewan Undangan Negeri (Dun) Sarawak.

Timbalan Ketua Menteri I Datuk Amar Douglas Uggah Embas mendahului senarai 10 Menteri dan 26 Menteri Muda yang mengangkat sumpah jawatan pada majlis berkenaan yang disaksikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abang Johari Abang Openg; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Jaul Samion dan Speaker Dun Sarawak, Tan Sri Mohd Asfia Awang Nassar.

Ia diikuti Timbalan Ketua Menteri II Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Timbalan Ketua Menteri III Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Majlis kemudian diterus-

kan dengan tujuh lagi menteri iaitu Datuk Seri Fatimah Abdullah, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah, Datuk Seri Lee Kim Shin, Datuk John Sikie Tayai, Datuk Julaihi Narawi dan Datuk Roland Sagah Wee Inn mengangkat sumpah jawatan masing-masing.

Selesai 10 menteri terbabit, 26 menteri muda pula mengangkat sumpah dihadului oleh Datuk Francis Harden Hollis, Datuk Dr Jerip Susil dan Datuk Liwan Lagang.

Ia disusuli oleh Datuk Rossey Yunus, Datuk Len Talif Saleh, Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Dr Annuar Rapae; Datuk Dr Malcolm Mussen Lamoh, Datuk Dr Penguang Manggil, Datuk Snowdan Lawan; Datuk Abdullah Saidol, Datuk Sebastian Ting, Datuk Gerawat Gala, Dr Hazland Abang Hipni, Datuk Juanda Jaya, Aidel Lariwoo, Datuk Henry Harry Jinep, Dr Ripin Lamat, Mohamad Razi Sitam, Martin Ben dan Datuk Mawang Renggi.



AWANG Tengah mengangkat sumpah jawatan, malam kelmarin.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM